

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 8 MAC 2016

RUJUKAN : 8542

SOALAN:

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes permohonan
kewarganegaraan yang telahpun diluluskan oleh pihak Kementerian
tetapi belum dikutip oleh pemohon dengan menyatakan pecahan
etnik dan negeri pemohon.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan pemohon yang telah diluluskan kewarganegaraan Malaysia tetapi belum tampil ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk pengeluaran Sijil Kewarganegaraan adalah seramai 2,575 orang dan perinciannya mengikut lima (5) etnik tertinggi adalah seperti berikut:-

Bil.	Etnik	Jumlah (Orang)
1.	Indonesia	710
2.	Cina	408
3.	India	338
4.	Thailand	206
5.	Filipina	176

Manakala perincian mengikut negeri di mana permohonan dikemukakan adalah seperti berikut:-

Bil.	Negeri Permohonan	Jumlah (Orang)
1.	Sabah	636
2.	Selangor	435
3.	Johor	294
4.	Putrajaya	246
5.	Perak	178

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telahpun memaklumkan kepada mereka secara bertulis tentang keperluan untuk hadir ke JPN bagi tujuan pengeluaran dokumen tersebut.